

FIBID CAPSULE

Gemfibrozil (300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fibid
2. Bagaimana Fibid berfungsi
3. Sebelum mengambil Fibid
4. Cara menggunakan Fibid
5. Semasa menggunakan Fibid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fibid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Fibid

Fibid boleh digunakan untuk mengelakkan berlakunya masalah jantung pada pesakit dengan lipid/lemak tinggi dalam darah. (hiperkolesterolemia, dyslipidemia bercampur dan hipertrigliseridemia). Fibid diberikan apabila diet rendah lemak dan rawatan bukan perubatan lain seperti bersenam dan menurunkan berat badan tidak memberi kesan yang baik terhadap sesetengah pesakit.

Bagaimana Fibid berfungsi

Fibid adalah ejen antihiperlipidemik. Ia berfungsi dengan mengurangkan tahap trigliserida (sejenis lemak) dan kolesterol jahat (Low-density Lipoprotein, LDL) dalam darah melalui pengurangan pengeluaran oleh hati. Ia juga meningkatkan tahap kolesterol baik (High-density Lipoprotein, HDL dalam darah).

Sebelum mengambil Fibid

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Fibid jika

- jika anda hipersensitif kepada gemfibrozil atau mana-mana bahan-bahan lain dalam Fibid
- jika anda mempunyai penyakit hati

- jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk
- jika anda mempunyai sejarah batu hempedu, penyakit hempedu dan pundi hempedu (penyakit saluran biliari)

- Sebelum mula mengambil

Beberapa keadaan perubatan boleh berinteraksi dengan Fibid. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan, terutamanya jika mana-mana daripada yang berikut berkaitan dengan anda:

- jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau menyusukan bayi
- jika anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan atau bahan-bahan lain
- jika anda mempunyai masalah buah pinggang, tiroid tidak begitu aktif, atau penyakit kencing manis
- jika anda mempunyai tahap trigliserida darah yang sangat tinggi, mempunyai berat badan berlebihan, atau kerap minum arak.
- jika anda mengambil pil estrogen

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Fibid. Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat preskripsi atau bukan preskripsi herba atau suplemen makanan, terutamanya mana-mana daripada yang berikut:

- perencat *HMG-CoA reductase* (contohnya, simvastatin) kerana risiko kesan sampingan, seperti sakit otot, lemah, dan masalah buah pinggang, mungkin meningkat
- antikoagulan oral (misalnya, warfarin) kerana risiko kesan sampingan, termasuk risiko pendarahan, boleh meningkat.

Cara menggunakan Fibid

- Berapa banyak harus digunakan

Dos harian yang disyorkan ialah 900-1200mg.

Dos maksimum ialah 1500mg sehari.

Dewasa: 1.2g sehari dalam dua dos diberikan tiga puluh minit sebelum makan pagi dan petang. Kanak-kanak: Dos belum ditetapkan.

- Bila perlu digunakan

Ambil Fibid secara oral dua kali sehari 30 minit sebelum sarapan pagi dan makan malam, melainkan jika diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil Fibid melainkan jika doktor anda memberitahu anda. Ia adalah disyorkan bahawa anda mengikuti semua nasihat yang diberikan semasa anda mengambil Fibid supaya mendapat manfaat sepenuhnya daripada rawatan.

Doktor anda mungkin menghentikan rawatan Fibid jika kesannya tidak memuaskan selepas 3 bulan rawatan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas satu dos Fibid, ambil secepat mungkin. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan kembali kepada jadual dos biasa anda. Jangan mengambil 2 dos sekali gus.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak Fibid hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat. Sentiasa bawa kotak ubat yang berlabel dengan anda, sama ada masih terdapat saki-baki Fibid di dalam atau tidak.

FIBID CAPSULE

Gemfibrozil (300mg)

Semasa menggunakan Fibid

- Perkara yang perlu dilakukan

Untuk keputusan yang terbaik, Fibid perlu digunakan bersama-sama dengan senaman, diet rendah kolesterol dan rendah lemak dan program penurunan berat badan jika anda mempunyai berat badan berlebihan. Ikut diet dan program senaman yang diberikan kepada anda oleh pengamal perubatan anda

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol semasa anda menggunakan Fibid.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Fibid boleh menyebabkan pening, mengantuk, atau penglihatan kabur. Kesan-kesan mungkin lebih teruk jika anda mengambil dengan alkohol atau ubat-ubatan tertentu. Gunakan Fibid dengan berhati-hati. Jangan memandu atau melaksanakan tugas-tugas lain yang mungkin tidak selamat sehingga anda tahu bagaimana anda bertindak balas kepadanya.

Semak dengan doktor anda dengan segera jika anda mengalami kelemahan atau sakit otot yang tidak dapat dijelaskan, ini boleh menjadi tanda-tanda masalah otot serius yang dipanggil myositis

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang paling biasa dengan gemfibrozil adalah senak, ruam, cirit-birit, sakit kepala, penglihatan kabur, rasa berputar atau goyangan, muntah dan berasa sakit.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain atau tersebut di atas menjadi, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No Tel: 03-78835550, atau melalui laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Fibid

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering dan sejuk di bawah 30°C. Simpan dalam bekas tertutup rapat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

kapsul gelatin keras bersaiz '0' yang berwarna merah ungu / putih yang mengandungi serbuk putih ke hampir putih.

- Bahan-bahan kandungan -Bahan aktif

Gemfibrozil

-Bahan tidak aktif

Colloidal silicone dioxide, Hydroxypropylmethyl cellulose, Docusate sodium, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate, Purified water, Sodium starch glycolate, Corn starch and Microcrystalline cellulose.

- Nombor MAL:

MAL19992758AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Tarikh Kemaskini RiMUP

10//06/ 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)240315/00045